

Headline	Jawatankuasa TNB pantau kecurian kabel		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	14 Jun 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	42
ArticleSize	211 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,019		



Jawatankuasa TNB pantau kecurian kabel

KUALA NERUS - Jabatan Perkhidmatan Keselamatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan meningkatkan kawalan dan rondaan di kawasan berisiko berlaku kes kecurian kabel sepanjang musim perayaan kali ini.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Terengganu, Mohd Nazri Puteh berkata, seramai 50 kakitangan di seluruh daerah terlibat dalam rondaan yang dibuat secara berjadual mulai tahun lalu itu.

"Kita telah kenal pasti kawasan yang dikategorikan kerap berlaku atau lokasi yang terdedah dengan risiko.

"Lokasi yang sering dilaporkan berlaku kejadian ini adalah di kawasan luar bandar atau kawasan perumahan yang ditinggalkan."

"Bagaimanapun, berdasarkan rekod, kejadian curi kabel semakin berkurang selepas penubuhan jawatankuasa itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis

Berbuka Puasa Bersama Media di Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, di sini.

Menurut Nazri, orang ramai juga diminta segera membuat aduan kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku kecurian kabel di kawasan masing-masing.

"Sokongan dan kerjasama orang ramai juga menjadi faktor kes kecurian kabel semakin berkurangan selain usaha pihak TNB sendiri," katanya.



Nazri (kiri) melayan pihak media mengambil hidangan berbuka puasa.